



Wan Azizah lancar buku 'Pesona Personaliti'

Bernama

Mac 18, 2023 18:20 MYT

SHAH ALAM: Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail hari ini melancarkan buku Pesona Personaliti: Seni Mengenal Diri dan Mengubah Peribadi, karya Muna 'Izzah Fadzil, di sini.

Wan Azizah dalam ucapannya berkata karya seperti itu perlu diperbanyakkan bagi membantu pembaca memperbaiki diri ke arah yang lebih positif selain memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat.

Beliau turut menyeru masyarakat agar memainkan peranan yang aktif sebagai agen perubahan dalam komuniti.

"Sebarkan maklumat dan kesedaran mengenai bantuan-bantuan yang disediakan, terutamanya yang membantu wanita, sebagai contoh dalam bidang keusahawanan, pencarian kerja, bantuan psikososial, bantuan nasihat undang-undang dan sebagainya.

"Kita mahu pastikan supaya segenap lapisan masyarakat terutamanya wanita mendapat bantuan yang sewajarnya. Apa yang lebih penting adalah kesedaran ataupun kesediaan setiap individu untuk mendapatkan bantuan, lebih-lebih lagi dalam kes yang melibatkan keselamatan dan nyawa seperti keganasan rumah tangga, penderaan dan pengabaian serta kesihatan mental," katanya.

Sementara itu, Muna 'Izzah berkata penulisan buku itu adalah berdasarkan pengalaman dan ilmu yang dikutip dari kecil hingga kini, selain sepanjang berkhidmat sebagai peguam serta perunding imej.

"Fasa kesedihan akibat kehilangan bonda dan kekanda berturut-turut dalam tempoh dua tahun yang lepas, adalah satu sebab saya menulis buku ini untuk kembali bangkit," katanya.

Naskhah itu boleh didapati di www.karangkrafmall.com atau di semua kedai buku berhampiran dengan harga RM30.

-- BERNAMA